

Sesi Disember 2019

Buletin JKA. Politeknik Merlimau, Melaka.

# >> Go Green

Jabatan Kejuruteraan Awam



**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
MERLIMAU

**Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Program Jabatan Kejuruteraan Awam, PMM**



**Sr. Mohamad Kelana bin Juwit**  
**Ketua Jabatan kejuruteraan Awam**



**En. Mohd Khairulnizam bin Yunos**  
**Ketua Program Kejuruteraan Awam**



**En. Faizal Adnan bin Omar**  
**Ketua Program Seni Bina**



**Sr Yee Wui Chee**  
**Ketua Program Geomatik**



## *Kata Aluan*

### **Sr. Mohamad Kelana bin Juwit**

Salam bahagia kepada warga JKA.

Diucapkan ribuan terima kasih kepada team Buletin JKA sesi Disember 2019 atas komitmen anda dalam menyediakan bahan-bahan penerbitan daripada unit masing-masing. (DKA, DSB dan DGU)

Pada penghujung pengajian Sesi Disember 2019, kita menghadapi satu peristiwa besar 'pandemik Covid 19', yang mana telah menyebabkan proses pembelajaran menghadapi sedikit cabaran di semua peringkat jabatan mahupun Kementerian Pendidikan. Namun begitu JKA telah mengambil inisiatif awal pementapan pelaksanaan proses pengurusan fail pensyarah dan hal-hal pengajaran dan pembelajaran pelajar secara online pada sesi lepas. Alhamdulillah, pendekatan ini telah banyak mengurangkan beban pensyarah dan kakitangan lain di jabatan mahupun pengurusan PMM di waktu sukar ini.

Kita juga harus bersedia dengan sebarang kemungkinan di dalam norma baharu pada sesi pengajaran akan datang. Lebih-lebih lagi peningkatan pengetahuan di dalam bidang ICT harus diberi perhatian.

Di harap warga JKA cakna ke arah keperluan tersebut. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga pendidik JKA kerana berjaya menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan baik.

Ikhlas,

**Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.**





## Salam Sejahtera

Salam sejahtera kepada warga JKA

Diucapkan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa buletin kerana berjaya memenuhi ruangan penerbitan dengan berita semasa. Diucapkan ribuan juga kepada penyumbang berita semasa di sesi Disember 2019 daripada Kejuruteraan Awam, Senibina dan Geomatik.

Di harap dengan sumbangan ini sekurang-kurangnya dapat memperlihatkan kepada pelajar dan staf akitiviti yang dijalankan. Apa jua artikel penulisan tuan dan puan setidak-tidaknya dapat mengisi ruang pengetahuan kepada pelajar dan warga JKA.

Semoga berita yang tersiar ini dapat memberi manfaat bersama.

### Ketua Editor

Shamsul Johari b. Shaari  
Pensyarah Seni Bina, JKA, PMM  
Sesi Disember 2019

### Team Editor

Sr. Zuraini binti Basarudin

Siti Noor Asyikin binti Hj Alias

### Isi Kandungan

**Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.  
kata Aluan Ketua Editor  
Carta Organisasi Jabatan**

### Berita:


- a. Lawatan Semester 4 Senibina Ke KDCA, Sabah
- b. Pelajar Senibina Menang Pertandingan Fotografi MELAKAARTPEX 2020 Peringkat Kebangsaan
- c. Geomatics Career & Fun Day Memberi Inspirasi Dan Eratkan Ukhwah!
- d. Program Khemah Ukur Hidrografi bersama INSTUN
- e. Program PSR TVET Di Madrasah Diniyyah Arrauf, Km 16 Kg.Tehel, Melaka
- f. Program Amali DCC 5172 Di Makmal Kejuruteraan Persekitaran, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Parit Raja, Batu Pahat Johor

*Senarai Terbitan Buletin JKA Sesi Lalu boleh dilayari di:*

<http://www.pmm.edu.my/index.php/jabatan/kejuruteraan-awam>

# Carta Organisasi Jabatan Kejuruteraan Awam

CARTA ORGANISASI  
TUGAS SOKONGAN AKADEMIK  
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM  
POLITEKNIK MERLIMAU  
SESI DESEMBER 2019





## Lawatan Semester 4 Senibina Ke KDCA, Sabah

Shamsul Johari b. Shaari

Pada 10-13 Januari 2020, satu lawatan akademik dari Unit Senibina, JKA, PMM semester 4 ke Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA), Sabah telah dijalankan. Program ini bertujuan bagi membuat kajian dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang warisan dan rekabentuk struktur bangunan komersial dan awam kaum-kaum di Sabah. Ianya juga bertujuan bagi memenuhi keperluan kursus DCA 5226-Design 3 semester 4, kajian kes terhadap 'passive & active ventilation system' bagi kursus DCA 5152- Building Services 2 dan kursus DCA 5252-Landscape Design untuk sesi Disember 2019.

Di dalam program lawatan akademik ini pelajar juga dikehendaki bergerak secara berkumpulan membuat kajian kes bagi memahami keperluan 'Cultural & Heritage Center'. Ia juga telah memberi pendedahan kepada para pelajar diploma senibina mengenai pemahaman PdP dari segi rekabentuk, pengurusan di tapak binaan dan kemudahan bangunan. Selain itu program ini telah meningkatkan pengetahuan dan kreativiti pelajar dengan lebih berkeyakinan menerusi sesi pendedahan perbezaan budaya dan corak kehidupan masyarakat negeri Sabah. Selain itu, program ini telah memberi peluang kepada pelajar membentuk pemikiran secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah secara berkumpulan dan juga secara individual.

Program ini disertai oleh 3 orang pensyarah senibina: En. Shamsul Johari, En. Mohd Shafrizal dan Puan Fadhillah Mohd. Nasir. Tahniah Pelajar senibina PMM.



Pelajar senibina semester 4, sesi Dis 2019 mempelajari pelbagai budaya masyarakat Sabah di samping mempersembahkan tarian dari semenanjung.



## Pelajar Senibina Menang Pertandingan Fotografi MELAKAARTPEX Peringkat Kebangsaan

Shamsul Johari b. Shaari

Pada 6 Mac 2020, Politeknik Merlimau Melaka telah menganjurkan MELAKAARTPEX di peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH). Di antara pengisian di dalam program ini ialah pertandingan fotografi yang telah disertai oleh pelajar dari pelbagai IPTA Zon Selatan. Berpuluh penyertaan yang telah dihantar untuk diadili dengan bertemakan Seni dan Budaya Tempatan.

Hasil daripada pertandingan ini, seorang pelajar senibina semester 4, mendapat tempat kedua dan enam orang daripadanya mendapat hadiah saguhati. Hasil kesungguhan para pelajar ini, karya mereka di pameran di acara MelakaArtPex 2020 yang berlangsung di Dewan Platinum, PMM.

Tahniah diucapkan kepada para pelajar senibina semester 4 hasil daripada kursus DCA6192 Digital Imaging. Semoga kejayaan ini menjadi perangsang kepada pelajar senibina yang lain untuk bersedia bertanding dalam mana-mana pertandingan fotografi di masa akan datang.

Terima kasih juga kepada Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam dan Kpro Senibina serta semua pensyarah senibina atas sokongan dan galakan kepada pelajar.



Pelajar senibina semester 4 mendapat tempat kedua pada pertandingan fotografi.



Gambar peserta@pelajar senibina Politeknik Merlimau beserta sijil kemenangan dalam pertandingan fotografi MELAKAARTPEX 2020.



## Geomatics Career & Fun Day Memberi Inspirasi Dan Eratkan Ukhwah!

Sr. Zuraini binti Basarudin

Pada 13 Februari 2020 (Khamis), bertempat di Dewan Platinum PMM telah berlangsungnya program Geomatics Career & Fun Day yang telah melibatkan semua pelajar Diploma Geomatik dan pensyarah. Objektif program ini telah tercapai di mana pelajar telah didedahkan tentang kerjaya dalam bidang geomatik dan telah berjaya mengeratkan ukhwah sesama pelajar serta pensyarah. Antara aktiviti terlibat adalah Career Talk yang disampaikan oleh Sr Haji Mohd Daud Bin Abd. Rashid dari Jurukur FH Consultant Melaka, Sesi Psikologi & Kerjaya oleh Pegawai Kaunseling PMM, Sesi bersama Alumni, Geomatics Explore Race, indoor game dan cabutan bertuah.

Sr Hj Mohd Daud memberi pendedahan dan perkongsian ilmu kepada pelajar dalam cabaran dunia pekerjaan dalam bidang geomatik. Pelajar perlu bersedia dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran tinggi, kreatif, berakhlak dan mampu menghadapi tekanan juga cabaran dalam mengendalikan sesuatu tugas antara ciri-ciri untuk menjadi seorang jurukur yang berjaya.



Gambar 1: Taklimat diberikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam, Sr Mohamad Kelana bin Juwit kepada para pelajar.



Gambar 2: Sesi bergambar bersama pelajar dan pensyarah setelah program selesai.



Gambar 3: Sesi bergambar bersama para pensyarah yang terlibat di dalam program ini.



## Program Khemah Ukur Hidrografi bersama INSTUN.

Sr. Zuraini binti Basarudin

Khemah Ukur bagi Program Diploma Geomatic sememangnya menjadi aktiviti wajib bagi setiap semester dan melibatkan pelajar DGU semester 5. Pada sesi Disember 2019, khemah ukur telah berlangsung dengan kerjasama pihak Institut Tanah Dan Ukur (INSTUN). Kerja ukur Cadastral dan kerja ukur kejuruteraan telah di jalankan di sekitar INSTUN pada 28 hingga 31 Januari 2020. Manakala, kerja ukur hidrografi telah menjalankan pada 25-28 Februari 2020 di Lumut, Perak. Seramai 16 orang pelajar terlibat dan seramai empat orang pensyarah penyelia telah terlibat secara langsung bagi program khemah ukur pada semester ini. Pensyarah yang terlibat masing- masing bagi siri 1 dan siri 2 adalah Sr Zuraini Basarudin, Sr Rohafiza Md Darus, Sr Ayati Parmen dan Sr Yee Wui Chee. Pelajar telah didedahkan dengan amali kerja ukur hidrografi yang melibatkan ukur batimetri dan kerja-kerja sounding bagi mendapatkan kedalaman laut serta profil dasar laut menggunakan single beam echo sounder.

Pengalaman dalam bidang hidrografi ini amat bermakna kepada pelajar di mana pelajar telah mempelajari bukan sahaja secara teori, malah secara pratikal. Kesimpulannya, pelajar telah berjaya mengaplikasikan segala ilmu geomatik yang telah dipelajari dari semester satu hingga lima dalam aspek pengetahuan, perancangan, pengurusan tenaga kerja dan pendedahan persekitaran sebenar dalam menjalankan latihan Ukur Hidrografi. Terima Kasih daun keladi pihak INSTUN, lain kali kami nak belajar lagi!!!



Gambar 1: Antara aktiviti yang dilakukan semasa program dijalankan.



Gambar 2: Pensyarah Pengiring bergambar bersama di Survey Camp Sesi Disember 2019



Gambar 3: Sesi bergambar bersama pensyarah yang terlibat.



## Program PSR TVET Di Madrasah Diniyah Arrauf, Km 16 Kg.Tehel.

Siti Noor Asyikin binti Hj Alias

Pada tarikh 11 Mac 2020, satu program PSR TVET telah dijalankan oleh Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Merlimau bersama Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Melaka dan juga Institut Latihan Industri, Bukit katil, Melaka.

Program ini akan dilaksanakan di Madrasah Diniyah Arrauf, Tehel. Ia merupakan sebuah Madrasah Tahfiz & Alim Cawangan Temboro, Indonesia. Ia milik persendirian dan Mudirnya bernama Ustaz Ahmad Muaz bin Mohd Rahof yang memiliki prasana yang agak terhad. Dengan penglibatan Politeknik Merlimau, Politeknik Melaka dan ILP dapat mendekatkan lagi hubungan kemasyarakatan di samping menunjukkan sifat kredibiliti dan profesionalisme kakitangan Politeknik Merlimau, pelajar dalam mengeratkan hubungan silaturrahim dengan komuniti setempat.

Antara objektif utama program ini ialah meningkatkan semangat kesukarelawan, patriotisme dan memupuk perpaduan di kalangan ahli masyarakat dan komuniti, memberi kesedaran kepada ahli komuniti mengenai kehidupan masyarakat bagi melahirkan ahli masyarakat yang prihatin, penyayang, bersikap terbuka kepada masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara peserta dengan pihak pengurusan Madrasah.

Program ini juga telah berjaya meningkatkan semangat kesukarelawan, patriotisme dan memupuk perpaduan di kalangan warga politeknik dengan pelbagai lapisan masyarakat serta melahirkan insan yang prihatin, penyayang dan bersikap terbuka kepada masyarakat yang memerlukan bantuan dan sokongan.

Syabas diucapkan kepada team yang terlibat daripada JKA!. Diharap JKA terus menyumbang kepakaran mereka kepada masyarakat pada masa akan datang.



Program ini berjaya meningkatkan semangat kesukarelawan, patriotisme di kalangan institut pengajian dan komuniti setempat.



**Program Amali DCC5172 Di Makmal Kejuruteraan Persekitaran,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
Parit Raja, Batu Pahat Johor**

Siti Noor Asyikin binti Hj Alias

Pada tarikh 5, 6, 10 dan 11 Febuari 2020, satu program amali yang bertempat di makmal Kejuruteraan Persekitaran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah disertai oleh pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Awam PMM. Antara objektif program ini ialah mendedahkan pelajar mengenai prosedur amali yang dijalankan bagi menjaga alam sekitar terutamanya dalam rawatan air, memberikan pelajar gambaran dan pengalaman mengenai situasi sebenar proses amali dibuat dan menghasilkan pelajar yang seimbang perkembangan fizikal, intelektual, sosial, emosi dan kerohaniannya.

Aktiviti dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kehadiran 100% pelajar di dalam projek ini. Pelaksanaan program seperti ini juga dapat membantu pelajar dan pensyarah dalam meningkatkan pengetahuan melalui sesi perkongsian maklumat dan idea serta dapat menerapkan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) Aktiviti yang dijalankan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang.

Syabas diucapkan kepada pensyarah JKA, PMM yang terlibat di dalam program ini dan diharap program ini akan sentiasa diadakan pada masa akan datang. Tidak lupa juga sokongan daripada semua pihak yang menjayakannya.



Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program amali di Makmal Kejuruteraan Persekitaran UTHM, Johor



# Galeri Buletin JKA Sesi Disember 2019





Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.  
kata Aluan Ketua Editor  
Carta Organisasi Jabatan

**Isi Kandungan**

**Berita:**

- a. Lawatan Semester 4 Senibina Ke KDCA, Sabah
- b. Pelajar Senibina Menang Pertandingan Fotografi MELAKAARTPEX 2020 Peringkat Kebangsaan
- c. Geomatics Career & Fun Day Memberi Inspirasi Dan Eratkan Ukhwah!
- d. Program Khemah Ukur Hidrografi bersama INSTUN
- e. Program PSR TVET Di Madrasah Diniyyah Arrauf, Km 16 Kg.Tehel, Melaka
- f. Program Amali DCC5172 Di Makmal Kejuruteraan Persekitaran, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Parit Raja, Batu Pahat Johor

